

04/05/1997

Abu Hassan calon yang lebih kanan

A Nazri Abdullah

SEGALA teka-teki mengenai bakal Menteri Besar Selangor sudah terjawab. Maka berakhirlah lobi-melobi dan surat layang mengampu dan memburukkan tokoh tertentu. Kita ucapkan tahniah kepada Datuk Abu Hassan Omar di atas pemilihan beliau sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Pelantikan beliau akan dibuat selepas pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang dan Parlimen Kuala Selangor.

Kemenangan Barisan Nasional (BN) di kedua-dua pilihan raya kecil itu sudah dijangka kerana Kuala Selangor adalah kawasan selamat BN.

Tidak siapa yang harus terkilan, cemburu atau berkecil hati dengan pemilihan Abu Hassan kerana beliau adalah antara ahli politik Selangor yang paling kanan dibandingkan dengan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang ada sekarang. Beliau menganggotai Majlis Tertinggi (MT) Umno sejak 1984.

Abu Hassan memulakan karier politiknya pada 1978 selepas memenangi kerusi Parlimen Kuala Selangor. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah sehingga 1980. Beliau pernah memegang jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Pertahanan dan Pengangkutan sebelum dilantik sebagai Menteri Kebajikan Masyarakat pada 1984. Pernah menjadi Menteri Luar sebelum menjawat portfolio baru sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 1991.

Berdasarkan pengalamannya yang luas di peringkat Persekutuan, beliau mempunyai segala resipi untuk menjadi Menteri Besar Selangor.

Pengalamannya di Selangor juga luas kerana beliau pernah berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah Klang, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Lumpur dan Pegawai Daerah Hulu Langat.

Pernah berkhidmat di Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan menjadi Timbalan Setiausaha Negeri Selangor.

Kalau pelantikannya berdasarkan pengalaman, maka kombinasi pengalamannya pada peringkat Persekutuan dan Selangor tidak boleh ditandingi oleh mana-mana calon lain di Selangor.

Beliau yang sudah pun menjangkau usia 57 tahun pernah menyatakan hasratnya untuk mengakhiri karier politik sebagai Menteri Besar Selangor. Namanya pernah disebut sebagai calon Menteri Besar ketika Tan Sri Muhammad Mohd Taib menghadapi krisis peribadi dengan pihak istana beberapa tahun lalu.

Dari segi peribadi, Abu Hassan bukanlah tokoh yang kontroversi. Sepanjang perkhidmatannya sebagai Timbalan Menteri dan Menteri beliau lebih dikenali sebagai seorang pemimpin yang lembut, terlalu berhati-hati dan tidak gemar bercakap banyak.

Rekod perkhidmatannya agak bersih daripada sebarang skandal peribadi, penyalahgunaan kuasa atau rasuah. Bagaimanapun ini tidak bermakna Ahli Dewan Undangan Selangor yang ada sekarang tidak bersih dan tidak layak. Pemilihan Abu Hassan diharap dapat mengurangkan "politiking" di Selangor.

Barangkali inilah antara faktor yang turut diperhitungkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Memandangkan terlalu ramai yang melobi, tentulah lebih mudah dan bijaksana bagi Dr Mahathir melantik orang yang beliau kenali dan sudah teruji taat setia dan kewibawaannya.

Kita harap setiap pihak di Selangor menerima pelantikan Abu Hassan dengan hati terbuka kerana kuasa melantik Menteri Besar ialah kuasa Perdana Menteri. Ujian penting yang akan dilalui oleh Abu Hassan ialah memastikan kemenangan cemerlang bagi dua pilihan raya kecil yang bakal

diadakan.

Pilihan raya ini sebenarnya bukan untuk menguji Abu Hassan tetapi seluruh jentera Umno di Selangor. Kepulangan Abu Hassan ke Selangor tidak membawa apa-apa kemenangan peribadi, tetapi satu tanggungjawab yang berat. Pertama sekali beliau mestilah mengekalkan imej bersihnya.

Orang yang berjiwa bersih tidak akan mencari dan mendedahkan keburukan orang sebelumnya, sebaliknya akan berusaha memperbaiki keadaan supaya jentera pentadbiran Selangor kembali mantap dan dinamik. Bagaimanapun sebagai orang politik, Abu Hassan tentulah mempunyai penyokongnya tersendiri.

Ujian yang paling getir bagi Abu Hassan ialah menangani harapan pengikutnya yang barangkali tidak mendapat peluang dalam pentadbiran yang lalu. Inilah ujian besar yang terpaksa dihadapi oleh setiap pemimpin iaitu melawan nafsu diri, keluarga, sahabat handai dan puak. Keadilan akan wujud apabila pemimpin meletakkan kepentingan bangsa dan negaranya di atas kepentingan lain.

(END)